

# TERMA DAN SYARAT PENYEWAAN SISTEM PEMBESAR SUARA

Versi 2.0

<b>→</b>	
<i>S</i>	······

## Syarat-syarat am:

- 1. Penyewa hendaklah berumur 18 tahun ke atas untuk berkelayakan untuk memohon penyewaan peralatan pembesar suara (PA system) Jabatan Penerangan.
- 2. Borang permohonan penyewaan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan atau Cawangan-Cawangan Daerah Jabatan Penerangan selewat-lewatnya lima (5) hari waktu bekerja sebelum tarikh acara berlangsung. Permohonan yang lewat dan/atau tidak lengkap tidak akan dilayan.
- 3. Setiap permohonan akan diteliti tertakluk kekosongan (availability) peralatan pembesar suara (PA system). Penyewaan akan dibuat secara first come first serve basis.
- 4. **Pembayaran hendaklah dibuat selewatnya-lewatnya tiga (3) hari waktu bekerja** sebelum tarikh acara berlangsung, dan dibayar terus ke Unit Sokongan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Jalan Airport Lama, Berakas atau di Cawangan-Cawangan Daerah Jabatan Penerangan.
- 5. Caj tambahan setiap satu jam akan dikenakan jika melebihi tempoh jam yang dipohonkan dan akan diminta pengesahan semasa acara berlangsung.
- 6. Penyewa tidak dibenarkan mengubahsuai sebarang peralatan teknikal yang telah disewakan. Jabatan tidak akan bertanggungjawab atau mengendalikan mana-mana peralatan pembesar suara (PA system) yang bukan hak milik Jabatan atau sebaliknya.
- 7. Jabatan tidak akan menyewakan peralatan pembesar suara (PA system) bagi acara/majlis yang bertentangan dengan undang-undang dan seumpamanya.

### Pemasangan dan penghantaran peralatan pembesar suara (PA system)

- 8. Semua peralatan pembesar suara (PA system) akan dihantar, dipasang dan dikumpulkan untuk dikutip balik oleh Pengendali yang bertugas ke lokasi penyewa.
- 9. Pengendali akan sentiasa berada di tempat lokasi sehingga acara/majlis selesai dijalankan.
- 10. Pengendali yang memasang peralatan pembesar suara (PA system) akan mengenalpasti sama ada *socket, plug* dan *extension cord* yang digunakan adalah selamat dan bersesuaian untuk kegunaan peralatan pembesar suara (PA system) tersebut. Jika tidak bersesuaian, Pengendali tersebut berhak untuk membatalkan permohonan penyewaan peralatan pembesar suara (PA system) tersebut dan wang permohonan akan dikembalikan dan penyewa dikehendaki untuk mengisikan borang *Vendor Form*.
- 11. Hanya peralatan pembesar suara (PA system) yang dipohonkan oleh penyewa di dalam borang permohonan akan disewakan kepada pemohon, mengikut tempoh jam yang telah dipohonkan.



# TERMA DAN SYARAT PENYEWAAN SISTEM PEMBESAR SUARA

Versi 2.0

12. Jika peralatan pembesar suara (PA system) yang dipohonkan tidak ada pada hari dan masa yang dipohonkan, pihak Jabatan berhak untuk menggantikannya kepada peralatan pembesar suara (PA system) yang lain.

## Penjagaan peralatan pembesar suara (PA system)

- 13. Penyewa hendaklah sentiasa menjaga peralatan pembesar suara (PA system) yang disewa dengan baik dan memastikannya terhindar dari berlaku sebarang kerosakan, kecurian, kebakaran dan apa-apa kejadian yang tidak diingini. Setelah Pengendali mengenalpasti tempat yang bersesuaian untuk menggunakan peralatan pembesar suara (PA system), penyewa tidak boleh memindahkan peralatan pembesar suara (PA system) tersebut.
- 14. Penyewa hendaklah mengembalikan peralatan pembesar suara (PA system) dalam keadaan yang ianya dipinjamkan kepada penyewa iaitu dalam keadaan yang baik.

#### Kerosakan

- 15. Penyewa hendaklah memaklumkan Jabatan atas segala kerosakan yang terdapat pada peralatan pembesar suara (PA system) sama ada disebabkan oleh kecuaian penyewa atau ketika pemasangan yang tidak dilakukan oleh Pengendali.
- 16. Jika berlaku sebarang kerosakan yang disebabkan oleh kecuaian penyewa semasa tempoh penyewaan, penyewa bertanggungjawab dalam menanggung segala kos pembaikan.

## Kecurian atau kehilangan

17. Penyewa bertanggungjawab jika berlaku sebarang kecurian atau kehilangan peralatan pembesar suara (PA system) semasa tempoh penyewaan dan hendaklah menanggung kos pembelian/penggantian peralatan pembesar suara (PA system) tersebut. Kos penggantian tersebut adalah seperti berikut:

Senarai Peralatan Pembesar Suara (PA System)		Harga
1. Pow	er Mixer 6 channel	BND900
2.	Power speaker	BND1,788
3.	Speaker box	BND400
4.	Power Amplifier	BND800
5.	Wired microphone with cable	BND128
6. cable	Wireless Microphone with receiver	<sup>&amp;</sup> BND900
7.	Microphone Stand	BND120
8.	Microphone cable	BND200
9.	Power Speaker Stand	BND385
10.	Power Speaker Stand	BND150

### Lain-lain hal

18. Semua peralatan pembesar suara (PA system) yang disewa adalah hak milik Jabatan dan merupakan harta benda Kerajaan yang tidak boleh dijual, ditawarkan untuk dijual, disewakan (*sub-let*), diberi atau dipinjam kepada mana-mana orang lain yang bukan pemohon dalam borang permohonan tanpa persetujuan bertulis Jabatan.



# TERMA DAN SYARAT PENYEWAAN SISTEM PEMBESAR SUARA

Versi 2.0

- 19. Penyewa tidak dibenarkan untuk membawa keluar atau memindah mana-mana peralatan pembesar suara (PA system) dari tempat lokasi setelah siap dipasang oleh Pengendali tanpa mendapatkan kebenaran Pengendali.
- 20. Peralatan pembesar suara (PA system) yang disewa dalam jangka masa yang lama tidak berhak untuk mendapat diskaun.
- 21. Apa-apa kelonggaran atau pengecualian yang telah dinyatakan oleh Jabatan tidak akan menjejaskan hak-hak Jabatan sepertimana yang terkandung di dalam terma dan syarat ini.
- 22. Jabatan berhak untuk menolak permohonan penyewaan peralatan pembesar suara (PA system).

### Pembatalan

23. Jika penyewa membatalkan permohonan untuk menyewa peralatan pembesar suara (PA system), wang penyewaan tidak akan dikembalikan.

Saya faham dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang tersebut di atas.

Tandatangan:	
Nama:	
No. KP:	
No. tel:	
Tarikh:	